

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

29hb. Mei, 1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1970

Tuan,

**Sekim Pencen Balu dan Anak Yatim,
Malaysia Barat**

Saya adalah di arah berhubung dengan tuan mengenai perkara tersebut di atas dan memaalumkan bahawa berikutan daripada keputusan kerajaan untuk menggolongkan Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat, semua pencharum yang ada sekarang akan diberi peluang membuat opsen sama ada mereka hendak terus mencharum atau berhenti mencharum. Satu [Pekeliling Perkhidmatan, mengandungi prinsip mengenai perkara ini akan dikeluarkan tidak beberapa lama lagi.]¹

2. Untuk menghadapi tugas-tugas yang akan di alami dalam urusan menggolong Sekim tersebut dan bagi menentukan tugas-tugas itu akan dijalankan dengan licin dan terator, kerjasama adalah sangat-sangat diperlukan daripada semua Setia Usaha Tetap/Setia Usaha kepada Kementerian, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Negeri dan Ketua - ketua Jabatan Persekutuan di mana jua pegawai yang mencharum kepada Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim berkhidmat. Di dalam peraturan yang dicadangkan bagi melaksanakan keputusan Kerajaan, sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 1 di atas, Ketua Jabatan berkenaan (selepas ini dirujuk sebagai "Jabatan Bertugas") di mana jua pegawai berkenaan berkhidmat akan bertanggungjawab memberi tahu pegawai itu dan menyampaikan kepadanya borang opsen yang tertentu untuk beliau membuat opsen.

3. Oleh itu bagi pegawai sedang berkhidmat yang mencharum kepada Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat, seseorang pegawai bertanggungjawab di dalam tiap-tiap Jabatan Bertugas hendaklah ditugaskan menyediakan dengan serta merta satu senarai mengandungi nama semua pegawai yang berkhidmat di dalam Jabatan itu yang mencharum kepada Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat. Di dalam perkara ini kalimah "pegawai sedang berkhidmat" adalah di maksudkan kepada mana-mana Pegawai yang mencharum kepada Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, dan yang maseh berkhidmat (iaitu yang menerima gaji) pada atau selepas 15hb. Jun, 1970 dan termasuk pegawai-pegawai berikut :-

- (i) seseorang pegawai yang mana pada tarikh itu sedang berchuti sebelum bersara daripada perkhidmatan;
- (ii) seseorang pegawai yang dipinjam/ditukarkan sementara kepada lain-lain perkhidmatan awam (Kerajaan atau sebaliknya);
- (iii) seseorang pegawai mengikuti kursus latehan yang berchuti dengan bergaji penuh, berchuti dengan separoh gaji atau berchuti tanpa gaji;
- (iv) seseorang pegawai yang berada di luar Jabatan Bertugas kerana mengikuti kursus singkat; dan
- (v) seseorang pegawai yang berada di luar Jabatan Bertugas kerana menghaziri Persidangan.

4. Setelah menerima Pekeliling Perkhidmatan yang dinyatakan diperenggan 1 diatas, pegawai yang bertanggungjawab di dalam tiap-tiap Jabatan Bertugas hendaklah mengambil tindakan seperti berikut dengan serta merta :-

- (a) Memberi tahu pegawai berkenaan dan menyampaikan kepada mereka borang opsen yang tertentu untuk di penuhi mereka dan menerima akuan keatas penerimaannya. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat yang berada di luar Malaysia Barat pada masa itu, tindakan hendaklah di ambil untuk memberi tahunya dengan chara MAIL UDARA.
- (b) Membuat akuan diatas penerimaan borang opsen setelah dipenuhi dan di kembalikan oleh pegawai berkenaan.
- (c) Mematohi segala arahan-arahan yang akan dikeluarkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan yang dinyatakan di perenggan 1 di atas, berhubung dengan opsen yang dibuat oleh tiap-tiap pegawai berkenaan.

5. Bagi pencharum-pencharum pesara, Setia Usaha, Sekim Pencen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat. akan bertanggungjawab mengeluarkan borang opsen berkenaan. Untuk menentukan tugas-tugas ini akan dijalankan dengan sepenuhnya, saya meminta supaya tiap-tiap Jabatan Bertugas mengemukakan kepada Setia Usaha, Sekim Pencen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat, Jabatan Perkhidmatan Awam, (Chawangan Pencen), Jalan Mountbatten, Kuala Lumpur, satu senarai mengandongi nama pencharum pesara yang telah bersara semenjak 1hb. Januari, 1970 dan juga mereka mereka yang mana persaraannya akan dikuatkuasakan pada atau sebelum 15hb. Jun, 1970. Bagi pegawai-pegawai yang telah bersara sebelum 1hb. Januari, 1970 tetapi maseh belum menerima faedah-faedah persaraannya, nama-nama mereka hendaklah juga dimasukkan ke dalam senarai itu.

6. Senarai yang dirujukkan di perenggan 5 di atas hendaklah dibuat seperti dichontohkan di bawah ini :-

<u>Bil.</u>	<u>Nama Pencharum</u>	<u>Bil. RPB &AY</u>	<u>Tarikh Persaraan</u>	<u>Alamat Pos Lengkap</u>
-------------	-----------------------	-------------------------	-------------------------	---------------------------

Senarai ini hendaklah disediakan dan dihantar kepada Setia Usaha, Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat, dengan serta merta atau sekurang-kurangnya TIDAK LEWAT DARIPADA 10hb. JUN, 1970.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELOO)
Bahagian Perkhidmatan,
Chawangan Penchen,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Setia Usaha-Usaha Tetap/Setia Usaha-Usaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Negeri.

Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu, Kuala Lumpur.